# JAWATANKUASA PENGURUSAN WEB MEDIA

**MINIT MESYUARAT**
**JAWATANKUASA PENGURUSAN WEB MEDIA PERTAMA BIL. 1/2016**

| | | | |
|---|---|---|---|
| Tarikh: | 8 Mei 2016 (Isnin) | Tempat: | Dewan Al-Ghazali |
| Masa: | 9.00 Pagi | | FSKM, UiTM Shah Alam |

**HADIR**

1. Prof. Dr. Hajah Roziah Mohd Janor - Pengerusi
   Penolong Naib Canselor, InQKA

2. Prof. Madya Rosslina Mohammad Nawi - Timbalan Pengerusi
   Pengarah Jabatan Web Media, InQKA

3. Mohd Yusof Mustaffar
   Ketua Media Sosial, InQKA

4. Dr. Hayati Abd. Rahman
   Koordinator Web Media, InQKA

5. Noorshakira Ramli
   Pembantu Setiausaha Pejabat
   MITRANS, UiTM Shah Alam

6. Parizah Mazlan
   Penolong Pegawai Teknologi Maklumat
   Jabatan Pengurusan Sumber Manusia
   Pejabat Pendaftar

7. Muhammad Firdaus Abd. Shukor
   Penolong Pegawai Teknologi Maklumat
   Jabatan Pengurusan Sumber Manusia
   Pejabat Pendaftar

8. Nurfazira Wahab
   Penolong Pegawai Teknologi Maklumat
   Bahagian Penilaian Akademik

9. Mohd. Izwan Salim
   Pustakawan Kanan
   Perpustakaan Tun Abdul Razak

10. Mohd Khairil Mohd Appandi
    Penolong Pegawai Teknologi Maklumat
    Bahagian Hal Ehwal Akademik

11. Aidil Abdul Halim
    Juruteknik Komputer
    IPSIS, UiTM Shah Alam

12. Noor Aswanie Abdul Rahim
    Penolong Pegawai Teknologi Maklumat
    iNED, UiTM Shah Alam

13. Zamani Umar Husin
    Timbalan Ketua Pengawai Teknologi Maklumat
    CSPI, UiTM Shah Alam

14. Mohd Syukri Baharudin
    Penolong Pegawai Sains
    AuRins, UiTM Shah Alam

15. Helmi Shahrul Johari
    Penolong Pegawai Teknologi Maklumat
    Pusat Kesihatan, UiTM Shah Alam

16. Dr. Shuhaida Mohd Shuhidan
    Pensyarah
    ARI, UiTM Shah Alam

17. Munirah Morad
    Pegawai Penyelidik
    ARI, UiTM Shah Alam

18. Norfadzilah Abd Manap
    Penolong Pegawai Teknologi Maklumat
    OIA, UiTM Shah Alam

19. Noor Azwani Asyikin
    Pegawai Eksekutif
    AAGBS, UiTM Shah Alam

20. Syed Ibrahim Syed Ali
    Penolong Pegawai Teknologi Maklumat
    ICAN, UiTM Shah Alam

21. Azarudin Abdul Samad
    Penolong Pegawai Teknologi Maklumat Kanan
    Pejabat Infrostruktur

22. Nor Azila Mahram
    Penolong Pendaftar
    Pejabat Penasihat Undang-Undang, UiTM Shah Alam

23. Muhammad Aswad Abdul Razak
    Kerani
    iPROMISE, UiTM Shah Alam

24. Faizatul Lina Bt Aliar
    Penolong Pendaftar Kanan
    Unit Integriti, UiTM Shah Alam

25. Mohd Safrin Mohd Rafdi
    Penolong Juruukur Bangunan
    Pejabat Infostruktur

26. Zamri Abd Wahab
    Pegawai Sukan
    Pusat Sukan, UiTM Shah Alam

27. Ashadi Samut
    Penolong Akauntan
    Pejabat Bendahari, UiTM Shah Alam

28. Hussien B. Harnis
    Pereka
    IMPAK, UiTM Shah Alam

29. Nur Fatimah Suhayati Abdul Jamil
    Kerani
    UHEK, Bahagian Hal Ehwal Akademik, UiTM Shah Alam

30. Riduan Ahmad
    Penolong Pendaftar Kanan
    CSPI, UiTM Shah Alam

31. Norazlin Othman
    Penolong Pegawai Teknologi Maklumat
    IRMI, UiTM Shah Alam

32. Mohamad Shahar Bin Sudar
    Penolong Pegawai Teknologi Maklumat
    Pejabat Infostruktur

33. Alyani Muhamad Khazali
    Penolong Pegawai Teknologi Maklumat
    Pejabat Infostruktur

34. Rahim Utah
    Penolong Pegawai Teknologi Maklumat Tertinggi
    Pejabat Infostruktur

35. Mohd Shahanizuan Mohd Shah
    Penolong Pegawati Teknologi Maklumat
    MASMED, UiTM Shah Alam

36. Ahmad Shazeer Mohamed
    Pensyarah
    Fakulti Pengurusan Perniagaan

37. Aizuddin Ismail
    Juruteknik Komputer
    Fakulti Sains Gunaan

38. Nor Azma Azmi
    Penolong Pegawai Teknologi Maklumat
    Fakulti Senibina dan Perancangan Ukur

39. Muhamad Bahtiar Masidin
Kerani
Fakulti Senibina dan Perancangan Ukur

40. Shahrul Izwan Md Hassan
Pegawai Eksekutif
Fakulti Perakaunan, UiTM Shah Alam

41. Dr. Sutahagar A/L Narasuman
Koordinator Prog. TESL ED770
Fakulti Pendidikan, UiTM Shah Alam

42. Dr. Zaiton Sapak
Pensyarah
Fakulti Perladangan dan Agrotekologi, UiTM Kampus Jasin

43. Yuslina Zakaria
Pensyarah
Fakulti Farmasi, UiTM Shah Alam

44. Muhamad Fitri Othman
Pensyarah
Fakulti Kejuruteraan Kimia, UiTM Shah Alam

45. Mohd Noor Faizal Ab Malek
Penolong Grafik
*National Design Center*, UiTM Shah Alam

46. Ezrin Mustafa Bakri
Penolong Grafik
Fakulti Seni Lukis Dan Seni Reka, UiTM Shah Alam

47. Hazleen Kamis
Juruteknik Komputer Kanan
Fakulti Muzik, UiTM Shah Alam

48. Najahudin Lateh
Pensyarah
ACIS, UiTM Shah Alam

49. Rubiah Mohd Yusoff
Penolong Pegawai Teknologi Maklumat
Fakulti Pergigian, UiTM Sungai Buloh

50. Zaimi Abdullah
Juruteknik Komputer
Fakulti Sains Sukan dan Rekreasi, UiTM Shah Alam

51. Jasber Kaur A/P Gian Singh
Pensyarah Kanan
Fakulti Sains Komputer dan Matematik, UiTM Shah Alam

52. Azroz Mohd
Pensyarah
Fakulti Filem Teater dan Animasi, UiTM Puncak Perdana

53. Mohammad Fazli Baharuddin
Pensyarah
Fakulti Pengurusan Maklumat, UiTM Puncak Perdana

54. Mohamad Asyraf Abdul Latif
Penolong Pegawai Teknologi Maklumat
Fakulti Sains Komputer dan Matematik, UiTM Shah Alam

55. Mohd Amin Hassan
Juruteknik Komputer
Fakulti Kejuruteraan Elekterik, UiTM Shah Alam

56. Rabiatul Adawiyah Binti Nasir
Pensyarah Kanan
Fakulti Sebina Perancangan & Ukur, UiTM Shah Alam

57. Wan Kamil
Profesor Madya
Fakulti Sains Kesihatan, UiTM Puncak Alam

58. Dzikri Asmawi
Penolong Pegawai Teknologi Maklumat
Fakulti Perubatan, UiTM Kapus Sg, Buloh

59. Nur Aida Hamzah
Juruteknik Komputer
Fakulti Kejuruteraan Makanikal, UiTM Shah Alam

60. Arma Mohd Faizal Abu Bakar
Koordinator Unit Komunikasi Korporat
UiTM Cawangan Terengganu

61. Aniza Ab Manan
Penolong Pegawai Teknologi Maklumat
UiTM Cawangan Terengganu

62. Masrul Farihan Mohamad
Penolong Pegawai Teknologi Maklumat
UiTM Cawangan Pulau Pinang

63. Siti Norazura Jamal
Koordinator Korporat
UiTM Cawangan Negeri Sembilan

64. Nurul Liyana Hazwani
Penolong Pegawai Teknologi Maklumat
UiTM Cawangan Kelantan

65. Abd Wahab Jantan
Penolong Pegawai Teknologi Maklumat
UiTM Cawangan Melaka

66. Mohd Zaidan Zainal Abidin
Penolong Pegawai Teknologi Maklumat
Kampus Dengkil, UiTM Cawangan Selangor

67. Nurul Akla b. Ahmad Khalil
Juruteknik Kanan
UiTM Cawangan Perak

68. Nor Aishah Md. Noh
Koordinator Korporat
Kampus Seremban, UiTM Negeri Sembilan

69. Iman Hazwan Abd Halim
Pensyarah
UiTM Cawangan Perlis

70. Fairuzah Zaharos Mansor, A.M.N. - Setiausaha
Penolong Pedaftar Kanan, InQKA

**TURUT HADIR**

Tiada

**TIDAK HADIR DENGAN MAAF**

1. Hairul Nizam Ghazali
Penolong Pegawai Teknologi Maklumat
Institut Kepimpinan dan Pembangunan,
UiTM Shah Alam

2. Norfahmeeda mohd Panut
Juruteknik Komputer
Bahagian Peperiksan, UiTM Shah Alam

3. Mohammad Khair Mohd. Seni
Penolong Pendaftar Kanan
MDAB, UiTM Shah Alam

4. Nurul Wahida Aziz
Pegawai Sains
Institut Sains, UiTM Shah Alam

5. Nurul Natasha Aali
Penolong Pegawai Teknologi Maklumat
Akademik Pengajian Bahasa, UiTM Shah Alam

6. Mohd Shafee
Pegawai Penyelidik
IIESM, UiTM Shah Alam

7. Mohammad Hafizzuddin M. Zin
Juruteknik Komputer
Fakulti Komunikasi & Pengajian Media, UiTM Shah Alam

8. Mimi Hasliah Mohd Shahari
Pegawai Teknologi Maklumat Kanan
UiTM Cawangan Johor

## BAHAGIAN A1: KATA ALUAN PENGERUSI

Mesyuarat dimulakan dengan bacaan Al-Fatihah, ucapan terima kasih kepada ahli mesyuarat yang hadir, bacaan Deklarasi Mesyuarat Kuaiti UiTM serta sesi memperkenalkan diri.

Pengerusi mengumumkan bahawa mesyuarat hari ini dihadiri oleh seramai 80 orang.

Pengerusi seterusnya memberi penerangan mengenai Tadbir Urus Kualiti Universiti seperti di Lampiran A.

Pengerusi memaklumkan bahawa mesyuarat ini berharap dapat mempercepatkan saluran komunikasi antara pengurusan tertinggi universiti dengan pengurus laman web (*Webmasters*) Pusat Tanggung Jawab (PTJ). Ahli mesyuarat turut dimaklumkan bahawa *Webmasters* sebenarnya memainkan peranan yang penting dalam hasrat universiti untuk meningkatkan penarafan UiTM melalui pengurusan laman web yang berkesan.

Ahli mesyuarat diingatkan bahawa sebarang masalah yang dihadapi ketika menjalankan tugas bolehlah disalurkan ke mesyuarat ini untuk dibincangkan.

## BAHAGIAN A2: PENGESAHAN MINIT MESYUARAT

Tiada

**Perkara-Perkara Berbangkit**

Tiada

## BAHAGIAN B: CADANGAN DASAR

### B0001 Dokumen Dasar Sedia Ada – Dasar Pengurusan Laman Sesawang Universiti Edisi 2014

Pengarah Web Media menjelaskan bahawa dasar tersebut telah dimuat naik ke laman Web Bahagian Canseleri dan Komunikasi Korporat dan juga telah dicetak dan diedarkan kepada Ketua-ketua PTJ. Walaupun ianya adalah Edisi 2014 namun ianya masih terpakai dengan sedikit pindaan.

Ahli mesyuarat perlu ambil maklum bahawa entiti bertanggungjawab telah ditukarkan dari Unit Web Media, Jabatan Komunikasi Korporat kepada Jabatan Web Media, InQKA.

Dasar ini sedang dikemas kini selaras dengan perubahan-perubahan yang telah berlaku seperti penubuhan Jabatan Web Media di InQKA.

Mesyuarat dimaklumkan bahawa dasar ini meliputi perkara-perkara berikut:

| | | |
|---|---|---|
| | - Webmaster adalah pegawai yang bertanggungjawab ke atas laman web PTJ<br>- Ketua Jabatan adalah pemilik laman web<br>- Identiti laman web – templat yang standard<br>- Maklumat hendaklah sentiasa dikemas kini<br>- Pengurusan Pengendalian Aduan | |
| | **Keputusan:** | |
| | Ahli mesyuarat mengambil maklum mengenai status Dasar Pengurusan Laman Sesawang Universiti. Pengerusi mohon semua *Webmaster* meneliti dokumen tersebut dan sebarang maklum balas mengenainya hendaklah dimajukan dalam tempoh sepuluh (10) hari dari tarikh mesyuarat melalui emel kepada Pengarah Jabatan Web Media, InQKA. | *Semua Webmaster PTJ* |
| **B0002** | **Dokumen Dasar Sedia Ada – Dasar Media Sosial Universiti Edisi 2016** | |
| | Mesyuarat dimaklumkan bahawa Dasar Media Sosial Universiti Edisi 2016 telah pun siap dan akan dibawa ke Mesyuarat Jawatankuasa Induk Kualiti Universiti (JKIQU) Bil. 1 Tahun 2016 sebelum dibawa ke peringkat Majlis Eksekutif Universiti (MEU). | |
| | Penggubalan dasar ini didorong oleh penyebaran fitnah berkaitan UiTM melalui media sosial yang merupakan salah satu medium penyebaran maklumat yang digemari oleh ramai. | |
| | Dasar ini membolehkan pihak UiTM mengambil tindkaan terhadap pelajar, staf dan juga pihak luar atas kesalahan menyebarkan maklumat yang tidak benar berkaitan UiTM. | |
| | **Keputusan:** | |
| | Mesyaurat bersetuju deraf dasar ini disalurkan dalam bentuk *soft copy* untuk semakan ahli mesyuarat. Sebarang maklum balas mengenai dasar ini hendaklah dimajukan dalam tempoh sepuluh (10) hari dari tarikh mesyuarat melalui emel kepada Ketua Media Sosial InQKA. | *Semua Webmaster PTJ* |
| **B0003** | **Cadangan Mewujudkan Jawatankuasa Pengurusan Laman Web di Peringkat PTJ** | |
| | Jabatan Web Media, InQKA mencadangkan PTJ mewujudkan satu jawatankuasa yang terdiri daripada sekurang-kurangnya seorang *Content Producer* dan seorang *Web Architect.* | |
| | *Content Producer* adalah bertanggungjawab mendapatkan bahan kandungan laman web manakala *Web Architect* pula bertanggungjawab memuat naik kandungan ke laman web. *Web Architect* perlu ada | |

kemahiran teknikal menggunakan Joomla.

En. Azroz Mohd dari FITA melihat ini sebagai satu keperluan. Beliau mencadangkan *Web Architect* perlu ada kemahiran *coding* HTML.

En Rahim Utah (Infostruktur) menerangkan bahawa sekiranya PTJ inginkan lebih fleksibel dalam menguruskan laman web masing-masing maka *Web Architect* tersebut sememangnya perlu ada kemahiran *coding* HTML. Beliau turut menawarkan diri untuk terlibat dalam pengajuran latihan HTML dan Joomla secara bersiri.

En Zamani Umar Husin (CSPI) memaklumkan bahawa masalah yang dihadapi adalah bagi mendapatkan kandungan. Oleh itu, beliau mencadangkan *Content Producer* kepada *Content Manager* kerana tidak adil bagi membebankan penyediaan bahan kepada hanya seorang pegawai.

En. Dzikri Asmawi (Fakulti Perubatan) inginkan penjelasan sama ada UiTM membolehkan *interface* lain seperti Word Press digunakan selain dari Joomla.

En. Rahim Utah (Infostruktur) memaklumkan bahawa satu garis panduan keselamatan telah dikeluarkan walau bagaimanapun didapati kebanyakan *webmaster* UiTM tidak mengikuti panduan tersebut. Beliau mencadangkan agar satu dasar keselamatan baharu dikeluarkan bagi mengawal perkara-perkara penting seperti *migration* kepada *upgrades*.

**<u>Keputusan:</u>**

Mesyuarat mengambil maklum bahawa dasar sediaada menyatakan bahawa laman web PTJ hendaklah menggunakan Joomla sahaja.

Mesyuarat turut membuat keputusan-keputusan berikut:

| | |
|---|---|
| i. Mesyuarat bersetuju *skill set Web Architect* ditambah dengan *coding* HTML. Latihan akan dianjurkan oleh pihak InQKA. | Jabatan Web Media, InQKA |
| ii. Semua *Webmaster* perlu menandatangani aku janji yang akan diedarkan bersama surat pelantikan Ahli Jawatankuasa Pengurusan Web Media bagi memastikan semua mengambil maklum keperluan untuk mematuhi garis panduan keselamatan UiTM. | Semua *Webmaster* PTJ |
| iii. Mesyuarat mengambil maklum cadangan pindaan dari *Content Producer* kepada *Content Manager*. | Jabatan Web Media, InQKA |

| | | |
|---|---|---|
| **B0004** | **Cadangan Melantik Pentadbir Laman Media Sosial di Peringkat PTJ** | |
| | Dicadangkan pelantikan sekurang-kurangnya seoarang Pentadbir Laman Media Sosial yang bertanggungjawab terhadap laman Facebook, Twitter dan Instagram di peringkat PTJ masing-masing. Disarankan bahawa pegawai yang dilantik perlu ada kemahiran berkomunikasi di media sosial dan berkemahiran menggunakan Facebook, Twitter dan Instagram dengan berkesan. | |
| | **Keputusan:** | |
| | Mesyuarat memutuskan bahawa mana-mana jabatan yang mempunyai pentadbir laman media sosial turut dijadikan ahli mesyuarat JPWM. | Sekretariat JPWM |
| **B0005** | ***Visibility* Ahli Akademik** | |
| | Fakulti/HiCOE/COE/Kampus Negeri dimaklumkan mengenai keperluan meletakkan pautan Google Scholar, Research Gate dan ERA pada Staff Directory bagi setiap ahli akademik. Ini bertujuan meningkatkan *visibility* aktiviti penerbitan dan penyelidikan yang dijalankan oleh ahli akademik. Ini juga dapat membantu universiti dalam penarafan. | |
| | Contoh: ARI | |
| | **Keputusan:** | |
| | Mesyuarat bersetuju untuk meletakkan pautan Google Scholar, Research Gate dan ERA pada Direktori Staf bagi setiap ahli akademik. | Semua *Webmaster* PTJ |
| | Pengerusi mohon bagi mereka yang mempunyai ramai pelawat dari kalangan pelajar maka mereka perlu fokus kepada pelawat dari luar. | Semua *Webmaster* PTJ |
| **B0006** | **Pautan ke Laman Web Utama Universiti** | |
| | Ahli mesyuarat dimaklumkan mengenai keperluan untuk semua laman web PTJ membuat pautan balik ke laman web utama universiti daripada laman web masing-masing. | |
| | **Keputusan:** | |
| | Mesyuarat bersetuju untuk membuat pautan balik ke laman web utama universiti daripada laman web masing-masing. | Semua *Webmaster* PTJ |

**BAHAGIAN C: PENGURUSAN KANDUNGAN LAMAN WEB**

**C0007 Templat**

Templat terkini disediakan oleh Pejabat Infostruktur. Terdapat beberapa PTJ yang masih tidak mengikut templat standard yang disediakan. Ahli mesyuarat diminta untuk berbincang sama ada mahu selaraskan semua PTJ menggunakan templat yang sama, atau sebaliknya.

En. Azroz Mohd dari FITA mencadangkan penggunaan templat tidak dihadkan dan dibiarkan terbuka terutama dari sudut susun atur (*layout*) *content* yag mana perlu mengikut kekuatan PTJ masing-masing. Sebagai contoh di FITA sekiranya templat yang digunakan adalah terlalu koporat maka ianya tidak sesuai dengan imej dan identiti fakulti dan tidak akan menarik perhatian bakal pelajar dan lain-lain.

En. Zamani Umar Husin (CSPI) juga mencadangkan templat lain juga boleh digunakan. Tetapi struktur, imej korporat dan garis panduan pengrusan *website* harus diikuti.

En Rahim Utah memaklumkan bahawa sekiranya PTJ menggunakan templat yang dibeli, ianya perlu diperbaharui setiap tahun. Beliau mencadangkan untuk menggunakan templat yang berbagai maka salah satu PTJ UiTM boleh berdaftar sebagai ahli dan templat tersebut boleh diguna sama oleh semua PTJ. Keahlian tersebut perlu diperbaharui setiap tahun dan anggaran implikasi kos adalah USD300 setahun.

Wakil dari Bahagian Pengambilan Pelajar pohon kebenaran untuk tidak menggunakan Joomla kerana pengunjung terkini adalah 6.5 juta dan wujud pautan ke sistem besar seperti Selangkah dan lain-lain menjadikan penggunaan Joomla tidak relevan.

**<u>Keputusan:</u>**

Mesyuarat membuat keputusan seperti berikut:

| | |
|---|---|
| i. Bersetuju dengan cadangan agar Jabatan Web Media, InQKA mendaftar keahlian penggunaan templat untuk kegunaan semua PTJ. Kertas kerja akan disediakan dalam tempoh dua (2) bulan untuk mendapatkan peruntukan kewangan untuk pendaftaran keahlian tersebut. Buat masa ini semua PTJ dikehendaki mengunakan templat yang digunakan sekarang. | Jabatan Web Media, InQKA |
| ii. Pengerusi mohon pihak Bahagian Pengambilan Pelajar membuat permohonan secara rasmi untuk dikecualikan dari menggunakan Joomla. | *Webmaster* Bahagian Pengambilan Pelajar |

| | | |
|---|---|---|
| **C0008** | **Kandungan Laman Web**<br><br>Mesyuarat dimaklumkan mengenai perkara-perkara berikut:<br><br>i. Perlu ada pengurusan yang betul dengan maklumat terkini dan tepat.<br>ii. Kemas kini *news/events* - yang sudah lama berlalu perlu di*archive* (Tidak Boleh Didelete)<br>iii. Kemas kini Direktori Staf – sangat penting untuk memudahkan carian.<br>iv. Penggunaan Bahasa Inggeris untuk semua laman web adalah dimestikan. Kalau ada dwi-bahasa (Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris) adalah lebih baik. Nama program/*event* tidak perlu diterjemahkan. *News/*Berita boleh ditulis dalam Bahasa Melayu. Walau bagaimanapun, Intranet boleh menggunakan Bahasa Melayu. Perkara yang sama terpakai kepada infografik yang dimuat naik.<br><br>**<u>Keputusan:</u>** | |
| | Pengerusi memaklumkan bahawa maklumat untuk tatapan staf UiTM dibolehkan dalam Bahasa Melayu dan mungkin boleh dibuat *password protected,* tetapi maklumat untuk tatapan umum hendaklah dimuat naik dalam Bahasa Inggeris dan Bahasa Melayu dengan keutamaan kepada Bahasa Inggeris. | Semua *Webmaster* PTJ |
| **C0009** | **Kandungan Laman Media Sosial**<br><br>Mesyuarat dimaklumkan mengenai perkara-perkara berikut:<br><br>i. Kandungan di laman media sosial perlu diseimbangkan antara *post* dalam Bahasa Inggeris dan *post* dalam Bahasa Melayu.<br><br>ii. Jangan dicampur kedua-dua Bahasa dalam satu *post.*<br><br>iii. Kandungan juga perlu seimbang antara yang santai dan formal. Perlu juga ada kandungan mengenai pengajaran dan pembelajaran (P&P).<br><br>iv. Pentadbir perlu memberi maklum balas kepada persoalan/masalah yang dikemukakan dengan segera. Naib Canselor UiTM telah mohon kalau boleh sebarang aduan diselesaikan dalam tempoh satu (1) hari.<br><br>v. Cadangan dibuka untuk penggunaan satu atau dua *hashtag* rasmi untuk UiTM.<br><br>En. Riduan Ahmad dari CSPI pohon pengesahan sama ada setiap Jabatan perlu ada kedua-dua laman media sosial jabatan dan juga laman media sosial Ketua PTJ. | |

| | | |
|---|---|---|
| | **<u>Keputusan:</u>** | |
| | Mesyuarat mengambil maklum bahawa Facebook rasmi Jabatan perlu dikekalkan manakala facebook individu (Ketua PTJ) tidak perlu diwar-warkan. | Semua *Webmaster* PTJ |
| **BAHAGIAN D:** | **ISU-ISU PENGOPERASIAN** | |
| **D0010** | **Pertukaran *webmaster* dan pentadbir laman media sosial** | |
| | Pertukaran *Webmaster* dan pentadbir laman media sosial di PTJ perlu diberitahu kepada Jabatan Web Media, InQKA untuk memudahkan sebarang makluman dibuat. | |
| | **Keputusan:** | |
| | InQKA akan majukan kepada ketua PTJ masing-masing untuk mengeluarkan surat pelantikan sebagai *Webmaster* beserta terma rujukan berkaitan. Setelah pelantikan *Webmaster* dibuat, surat pelantikan keahlian JPWM akan dikeluarkan. | Jabatan Web Media, InQKA |
| | Semua *Webmaster* dinasihatkan untuk menyediakan Fail Meja masing-masing untuk melancarkan perubahan/ perpindahan pegawai bertanggungjawab. | Semua *Webmaster* PTJ |
| **BAHAGIAN E:** | **LAPORAN PRESTASI PENGURUSAN LAMAN WEB DAN MEDIA SOSIAL** | |
| **E0011** | **Jabatan Web Media** | |
| | Ahli mesyuarat dimaklumkan bahawa Jabatan Web Media telah ditubuhkan secara rasminya pada 30 September 2015 dan diletakkan di bawah tadbir urus InQKA. Walau bagaimanapun jabatan hanya beroperasi bermula pada Disember 2015. | |
| | **<u>Keputusan:</u>** | |
| | Mesyuarat mengambil maklum mengenai penubuhan Jabatan Web Media di InQKA. | Makluman |
| **E0012** | **Laman Web** | |
| | Mesyuarat dimaklumkan mengenai perkara-perkara berikut:<br><br>i. Beberapa menu di laman web utama universiti telah ditambah baik. Misalnya menu penyelidikan.<br>ii. Telah dimuatkan juga ruang/menu untuk video bagi *event* utama universiti.<br>iii. Jabatan Web Media telah bertemu dua HiCOE, iaitu ARI dan MITRANS untuk mengenal pasti keutamaan dan operas kedua-dua pusat tersebut. Hasil dari | |

pertemuan tersebut, pautan kepada laman web ARI dan MITRANS telah diletakkan di laman utama universiti.

iv. Lawatan juga telah dibuat ke AAGBS kerana didapati AAGBS kurang menonjol/*visible* di peringkat luar. Membantu AAGBS ke arah menjadi Top 100 Business School. Pautan AAGBS juga telah diletakkan di laman utama web UiTM.

v. Lawatan akan datang dicadangkan ke Pusat Zakat UiTM untuk mengenai pasti aktiviti dan kekuatan Pusat Zakat dalam membantu warga UiTM dan masyarakat Islam seluruh Malaysia.

vi. Menu Facts and Figures juga telah ditambah baik. Maklumat terkini sedang dalam proses untuk dikemas kini.

vii. UiTM News Hub telah diletakkan di laman utama universiti. Semua warga UiTM boleh menghantar *news/*events terus menggunakan saluran tersebut.

**<u>Keputusan:</u>**

Pengerusi merakamkan ucapan tahniah kepada Jabatan Web Media kerana telah merealisasikan News Hub UiTM dengan bantuan daripada empat (4) orang pelajar Latihan Industri dari FSKM.

Ahli Mesyuarat mengambil maklum perkara-perkara yang telah dimaklumkan. — Makluman

**E0013 Media Sosial**

Mesyuarat dimaklumkan mengenai perkara-perkara berikut:

i. Dasar Media Sosial Universiti Edisi 2016 telah pun siap dan akan dibawa ke mesyuarat JKIQU yang akan datang.

ii. Laman Facebook baharu telah diwujudkan pada bulan Januari 2016 dengan nama Universiti Teknologi MARA – Media FB Rasmi.

iii. Diwujudkan Twitter rasmi universiti @transUiTM pada bulan Disember 2015.

iv. Instagram rasmi universiti @UiTM.official juga telah diwujudkan. Namun begitu, ia belum diuar-uarkan.

v. Sesuai dengan saranan KPT, video-video *"What's Happening in UiTM"* telah mula dimuat naik ke Facebook.

vi. *Fans/Followers*:
Facebook: 16,834
Twitter: 1,050
Instagram: 170

vii. Ranking Facebook bagi Universiti Awam (UA) telah dimulakan oleh KPT. Kedudukan bulan April, UiTM di tangga ke-15 daripada 20 UA.

| | | |
|---|---|---|
| | **<u>Keputusan:</u>** | |
| | Ahli mesyuarat mengambil maklum perkara-perkara yang telah dimaklumkan. | Makluman |
| **BAHAGIAN F:** | **HAL-HAL LAIN** | |
| **F0014** | **Keperluan Kewangan** | |
| | Peruntukan untuk pembelian plug-in Joomla bagi yang memerlukan | |
| | **<u>Keputusan:</u>**<br>*Webmaster* PTJ perlu membuat usul rasmi memohon bajet dari ketua PTJ masing-masing. | Semua *Webmaster* PTJ |
| **F0015** | **Dasar Keselamatan Laman Web** | |
| | En Rahim Utah mencadangkan Dasar Keselamatan Laman Web UiTM diwujudkan. Dasar tersebut akan disediakan oleh Pejabat Infostruktur. | |
| | **<u>Keputusan:</u>** | |
| | Mesyuarat bersetuju mengenai cadangan mewujudkan Dasar Keselamatan Laman Web UiTM dan mengambil maklum bahawa ianya akan disediakan oleh Pejabat Infostruktur. | En. Rahim Utah |
| **F0016** | ***Migration* Kepada Versi Joomla 3.0** | |
| | En Rahim Utah mohon semua *Webmaster* yang belum selesai *migrate* kepada versi Joomla 3.0 *migrate* dengan kadar segera. | |
| | Pn. Nur Fatimah Suhayati Abdul Jamil dari UHEK, BHEA memaklumkan bahawa kerja-kerja *migration* tergendala disebabkan oleh kekangan masa bagi mereka yang bukan berlatarbelakangkan IT dan mempunyai tugas hakiki lain sperti pembantu tadbir. | |
| | **<u>Keputusan:</u>** | |
| | Mohon semua yang belum *migrate* ke Joomla 3.0 memperkenalkan diri kepada InQKA untuk dimasukkan ke dalam projek memperkasa laman web (Trans4U). Projek *migration* akan mengambil masa 3 – 6 bulan. | Semua *Webmaster* PTJ/Jabatan Web Media, InQKA |
| **F0017** | **CSPI Pemilik Data Rasmi Universiti** | |
| | Ahli mesyuarat diingatkan bahawa semua data yang ingin dipaparkan perlu diperolehi dari CSPI selaku pemilik data rasmi universiti. | Makluman |

**PENUTUP**

Mesyuarat ditamatkan pada jam 12.45 tengahari.

Disediakan oleh:

**FAIRUZAH ZAHAROS MANSOR**
Penolong Pendaftar Kanan, InQKA
*Merangkap Setiausaha*

Tarikh:

Disahkan oleh:

**PROF. DR. HAJAH ROZIAH MOHD JANOR**
Penolong Naib Canselor, InQKA
*Merangkap Pengerusi*

Tarikh :